

Headline	200 penghuni Pondok Hidayatullah belajar dalam gelap, panas		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	01 Mar 2024	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	25
ArticleSize	338 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 39,945		



AHMAD Riadz (tiga dari kiri) menyerahkan sumbangan barangan makanan dan keperluan dapur kepada Mudir Pondok Hidayatullah, Ustaz Hamid Hassan ketika kunjungan kasih Kelab Met Harian Metro. - Gambar NSTP/MUHAMAD LOKMAN KHAIRI.

200 penghuni Pondok Hidayatullah belajar dalam gelap, panas

Manjung: Kerap terputus bekalan elektrik menyebabkan 200 penghuni pusat pengajian Islam, Pondok Hidayatullah dekat Tanjung Kepah, Batu 8 Lekir, di sini, terganggu kerana ada ketikanya mereka belajar dalam keadaan berpanas dan berge-lap.

Itu situasi yang dihadapi lantaran ketiadaan bilik jana kuasa elektrik khas bagi memenuhi keperluan 55 unit pondok warga emas, dua blok asrama pelajar lelaki dan perempuan, selain pejabat dan surau dalam kawasan seluas tiga hektar itu.

Mudir dan pengasasnya, Hamid Hassan berkata, pihaknya sudah mengemukakan permohonan untuk membina infrastruktur itu kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan dimaklumkan memerlukan sejumlah RM80,000 sebelum hasrat itu boleh direalisasikan.

"Oleh sebab tiada bilik jana kuasa elektrik sendiri, kami tidak menerima bekalan elektrik yang mencukupi sehingga boleh dikatakan berlaku setiap hari. Elektrik terputus ketika sesi pengajian al-Quran, kitab turath, tahfiz dan kuliah dewasa. Jika berlaku sebelah malam, penghuni terpaksa tidur dalam keadaan panas.

"Kami sudah lantik konsultan dan masih dalam proses rundingan dan dimaklumkan akan menelan belanja RM80,000 untuk pembinaan.

"Selain bantuan daripada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), kami memang bergantung kepada dana dan sumbangan

orang awam untuk mendapatkan keperluan ini," katanya memaklumkan perkara itu berlarutan sejak penubuhan pondok berkenaan pada 2008 lagi.

Beliau ditemui selepas menerima sumbangan yang diserahkan oleh Presiden Kelab Met Harian Metro, Ahmad Riadz Mohd Radzi di Pondok Hidayatullah, Isnin lalu.

Hamid berkata, pihaknya berbesar hati menerima kunjungan kasih Kelab Met Harian Metro yang prihatin menyumbangkan makanan dan keperluan dapur untuk manfaat 200 penghuni pondok yang terdiri daripada 60 warga emas dan selebihnya penuntut dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.

"Syukur kepada Allah. Terima kasih Harian Metro atas sumbangan yang begitu bermakna ini kepada Pondok Hidayatullah, sekarang-kurangnya ia dapat meringankan beban kami dalam menjalani ibadah Ramadan tidak lama lagi.

"Moga bantuan yang dihulurkan Harian Metro ini menjadi teladan dan menghubungkan institusi pondok kepada masyarakat yang ingin mendalami agama tanpa batasan umur," katanya.

Sementara itu, Ahmad Riadz berkata, ini adalah sumbangan kakitangan Harian Metro dengan kerjasama Pasaraya Econsave Cash & Carry sebagai meringankan beban golongan berkeperluan.

"Kita harap lebih banyak organisasi atau individu yang tampil menyalurkan bantuan kepada pondok ini demi kebajikan penghuni," katanya.